JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

13 OKTOBER-16 OKTOBER 2014



PARLIMEN MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGABELAS
2014

JAWAPAN – JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

13 OKTOBER 2014 – 16 OKTOBER 2014

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI ISNIN : 13 OKTOBER 2014

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8 HINGGA 55)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)

NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No : 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan sekolah menengah jenis kebangsaan persendirian dan bilangan murid/guru di setiap negeri, peruntukan pembangunan yang disalurkan sepanjang 5 tahun lalu dan perancangan masa depan Kementerian terhadap sekolah-sekolah tersebut berikutan peningkatan permintaan kemasukan baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada maklumat berhubung sekolah menengah jenis kebangsaan persendirian. Namun, jika dimaksudkan sekolah berkenaan adalah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), jumlah sekolah tersebut adalah sebanyak 60 buah dengan bilangan murid seramai 82,784 dan bilangan guru seramai 4,327 seperti pada 30 Jun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak menyediakan peruntukan pembangunan kepada SMPC kerana sekolah tersebut bukan dalam kategori sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7129

SOALAN:

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai kesalahan yang dilakukan oleh Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di Pulau Pinang mengikut undang-undang pertubuhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] memperuntukkan mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6 (3) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] iaitu, "Sesiapa yang melakukan perlanggaran terhadap Seksyen 6 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika perlanggaran itu adalah suatu perlanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari perlanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama".

Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.

Berhubung dengan status Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Pulau Pinang pula, rekod Kementerian menunjukkan bahawa

PPS Pulau Pinang tidak pernah momohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Sehubungan dengan itu, bagi perkara-perkara berkaitan PPS Pulau Pinang, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci perkara tersebut kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan pihak polis dan JPPM yang sedang berjalan.

Soalan No: 10

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2014
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)**
TARIKH	**:**	**13 OKTOBER 2014**
SOALAN	**:**	**10**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-

a) stastik taburan penempatan Orang Asli serta senarai perkampungan Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia; dan

b) jumlah perkampungan Orang Asli di Semenanjung yang masih tidak mempunyai bekalan air dan elektrik sehingga September 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

a) Berdasarkan statistik taburan penempatan Orang Asli di Seluruh Semenanjung Malaysia, terdapat sebanyak 853 buah kampung Orang Asli yang diiktiraf oleh JAKOA dengan jumlah penduduk seramai 178,197 orang. Daripada keseluruhan 853 buah kampung tersebut, sebanyak 262 kampung terletak di dalam Negeri Pahang dengan jumlah penduduk seramai 64,443 orang, 255 buah kampung di Negeri Perak dengan jumlah penduduk seramai 53,299 orang, 118 buah kampung di Negeri Kelantan dengan jumlah penduduk seramai 13,457 orang, 74 buah kampung di Negeri Selangor dengan jumlah penduduk seramai 17,587 orang, 68 buah kampung di Negeri Sembilan dengan jumlah penduduk seramai 10,563 orang, 58 buah kampung di Negeri Johor dengan jumlah penduduk seramai 15,841 orang, 14 buah kampung di Negeri Melaka dengan jumlah penduduk seramai 1,844 orang, 3 buah kampung di Negeri Terengganu dengan jumlah penduduk seramai 893 orang

dan 1 buah kampung di Negeri Kedah dengan jumlah penduduk seramai 270 orang.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya kesemua perkampungan Orang Asli telah mempunyai bekalan air bersih secara alternatif iaitu melalui sumber telaga tiub dan air graviti. Namun begitu, masih terdapat perkampungan Orang Asli yang tidak mempunyai bekalan air terawat. Sehingga September 2014, sebanyak **253 (29 peratus)** buah perkampungan Orang Asli yang melibatkan seramai 22,285 orang masih tidak mempunyai bekalan air terawat.

Bagi perkampungan Orang Asli yang tidak mempunyai bekalan elektrik sehingga September 2014 adalah sebanyak **279 (32 peratus)** buah perkampungan Orang Asli yang melibatkan seramai 37,415 orang.

Usaha-usaha untuk menangani masalah infrastruktur asas diperkampungan Orang Asli dilaksanakan secara

berterusan dan mengikut keutamaan. Pada tahun 2015 pihak Kementerian menerusi Jabtan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah memohon peruntukan sebanyak RM28 juta untuk pelaksanaan projek bekalan elektrik di 10 perkampungan Orang Asli, manakala sebanyak RM40 juta lagi adalah untuk pelaksanaan projek bekalan air terawat melibatkan 20 buah perkampungan Orang Asli.

Pihak kerajaan begitu komited dan perihatin untuk membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli menerusi pelbagai bantuan dan kemudahan. Pihak Kementerian mensasarkan masalah-masalah berkaitan infrastruktur asas diperkampungan Orang Asli dapat diselesaikan sepenuhnya sehingga penghujung tahun 2017 tertakluk kepada peruntukan yang akan diterima.

Soalan No : 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah terdapat rancangan oleh pihak Kementerian bagi menambah Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) di Sabah dan Sarawak bagi menangani masalah keciciran di kalangan pelajar di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap keperluan pembinaan Model Khas Komprehensif (K9) di Sabah dan Sarawak bagi menangani masalah keciciran dalam kalangan murid di kawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu, KPM telahpun mengemukakan permohonan peruntukan bagi lima (5) buah projek sekolah K9 di negeri Sarawak dan enam (6) buah projek peluasan di negeri Sabah dalam *Rolling Plan* Ke-4 bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

Soalan No : 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keadaan sains dan kejuruteraan di sekolah menengah dan Universiti di negara ini. Apakah peruntukan dan hasil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mata pelajaran Sains ditawarkan di semua sekolah menengah dan semua murid wajib mempelajarinya. Manakala mata pelajaran berasaskan Kejuruteraan telah diperkenalkan di Sekolah Menengah Teknik dan beberapa sekolah menengah lain di peringkat tingkatan 4 dan 5 sebagai mata pelajaran elektif. Mata pelajaran ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada murid dalam bidang kejuruteraan seterusnya menanam bakat serta minat murid untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang tersebut di peringkat yang lebih tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang berusaha meningkatkan nisbah murid dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui Dasar 60:40 Sains/Teknikal: Sastera. Strategi STEM akan

dijalankan secara berperingkat mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Bidang pengajian Sains dan Kejuruteraan turut diberi perhatian pada peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pada tahun 2013 jumlah enrolmen pelajar IPTA dalam bidang sains adalah sebanyak 80,180 orang pelajar dan daripada jumlah tersebut sebanyak 26.387 (32.9%) pelajar lelaki dan sebanyak 53,793 (67.1%) pelajar perempuan. Mengikut peringkat pengajian pula, pada peringkat Kedoktoran (Ph.D) sebanyak 4,608 orang pelajar, peringkat sarjana (master) adalah sebanyak 11,030 orang pelajar, peringkat Diploma Lepasan Ijazah adalah sebanyak 19 orang pelajar dan peringkat sarjana muda dan k ebawah adalah sebanyak 64,523 orang pelajar.

Bagi bidang kejuruteraan pula, jumlah enrolmen pelajar IPTA adalah sebanyak 121,462 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut sebanyak 69,047 (56.8%) pelajar lelaki dan 52,415 (43.2%) pelajar perempuan. Mengikut peringkat pengajian pula, pada peringkat Kedoktoran (Ph.D) sebanyak 6,987orang pelajar, peringkat sarjana (master) adalah sebanyak 12,920 orang pelajar, dan peringkat sarjana muda dan ke bawah adalah sebanyak 101,555 orang pelajar.

Pada tahun 2013, pihak IPTA telah berjaya menghasilkan graduan bidang sains sebanyak 17,276 orang pelajar dan daripada jumlah tersebut sebanyak 5,506 orang pelajar lelaki dan 11,770 orang pelajar perempuan. Manakala bagi bidang kejuruteraan, sebanyak 27,332 orang pelajar telah dihasilkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak

15,170 orang pelajar lelaki dan sebanyak 12,162 orang pelajar perempuan.

Merujuk kepada Kajian Pengesanan Graduan tahun 2013 yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian kepada graduan tempatan, kadar kebolehpasaran graduan pada hari konvoksyen bagi bidang Sains adalah sebanyak 67.9%, manakala bagi bidang teknikal pula adalah sebanyak 74.9%.

RJM24

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dapatkah Kementerian mempercepatkan perlaksanaan mengganti dan menaik taraf SMK Limbang yang sudah daif dan mempunyai penuntut melebihi seribu orang murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek mengganti dan menaik taraf SMK Limbang dalam *Rolling Plan* Keempat RMKe-10 bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

RJM23

SOALAN NO: 14

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**Lisan**
DARIPADA	:	**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad (Pasir Puteh)**
TARIKH	:	**13 Oktober 2014 (Isnin)**
SOALAN	:	**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan terkini tentang pembahagian subsidi-subsidi padi di Kelantan. Berapa ramaikah penerima subsidi ini dan berapakah peruntukan yang dikeluarkan untuk setiap komponen dalam tahun 2013 dan 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.201 bilion pada tahun 2014 bagi pemberian bantuan subsidi dan insentif di bawah sub-sektor padi dan beras.

Terdapat lima (5) jenis bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif yang diberikan kepada petani iaitu Insentif Benih Padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Insentif Pengeluaran Padi (IPP), Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dan Insentif Peningkatan Hasil (IPH). Bagi Insentif Benih Padi Sah, para petani dapat membeli Benih Padi Sah pada harga rendah iaitu 1.40/Kg berbanding RM2.80/Kg pada harga pasaran terbuka selaras dengan matlamat untuk menggalakkan pesawah menggunakan benih padi yang bermutu tinggi. Sehubungan itu, pesawah dapat meningkatkan hasil pengeluaran disamping menambah pendapatan. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Ogos 2014, jumlah bayaran bagi Subsidi Harga Padi dan Insentif Peningkatan Hasil yang telah disalurkan kepada petani di Kelantan pula adalah masing-masing sebanyak RM18,052,589.79 dan RM539,320.12 dengan penglibatan seramai 9,859 orang petani.

Berhubung dengan bilangan penerima dan peruntukan yang dikeluarkan untuk subsidi-subsidi bagi baja di Kelantan, jumlah penerima subsidi tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Bil. Penerima	Baja Urea (RM)	Baja Sebatian (RM)	Jumlah (RM)
1.	2013	16,681	8,618,797	24,646,948	33,265,745
2.	2014 (Musim 1/2014)	10,109	5,312,053	15,202,844	20,514,897
JUMLAH		**26,790**	**13,930,850**	**39,849,792**	**53,780,642**

Soalan No : 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan program pengajian / kursus agama Islam kepada masyarakat setempat yang dicadangkan pelaksanaan melalui Kolej Komuniti seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan cadangan untuk menjadikan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) sebagai dasar utama pendidikan negara, Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengorak langkah mendekati dan menjalin kolaborasi bersama institusi keagamaan dan komuniti setempat dalam menyebar luas pendidikan kemahiran dan pendidikan Islam. Usaha ini telah dan sedang dilaksanakan di seluruh negara untuk memartabatkan pendidikan Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan September 2014 sebanyak 915 kursus telah dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 340 kursus adalah berkaitan agama atau kerohanian,

manakala 575 kursus kemahiran telah diberikan kepada masyarakat setempat atau institusi yang memerlukan. Bilangan peserta yang mengikuti kursus pula berjumlah 34,793 orang, dengan 17,763 peserta kursus agama atau kerohanian dan 17,030 peserta kursus kemahiran. Kursus tersebut telah dijalankan di 76 buah kolej komuniti seluruh Malaysia.

Pendekatan PISH merupakan usaha murni Kerajaan bagi memastikan Pendidikan Islam dan ilmu kemahiran dapat diberikan secara lebih meluas dan seimbang kepada golongan sasar. Ini bagi memastikan golongan sasar mendapat ilmu Pendidikan Islam yang berterusan di samping memperoleh ilmu kemahiran yang berupaya menjana pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat.

RJM25

Soalan No : 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan terdapat berapakah buah sekolah-sekolah yang beraliran Bahasa Cina mempunyai kekurangan murid yang serius di daerah Meradong dan Sarikei. Apakah tindakan Kerajaan Pusat akan diambil untuk menyelesaikan masalah sekolah yang kekurangan murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 10 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Meradong, manakala 17 buah SJK(C) di daerah Sarikei yang diklasifikasikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan masalah SKM dan mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah tersebut melalui program sekolah penyayang, melonjakkan pencapaian prestasi akademik sekolah serta menjalankan program sarana ibu bapa. KPM juga sedang melaksanakan kajian berkaitan SKM bagi mengkaji kebolehlaksanaan cadangan menggabungkan SKM jika dipersetujui masyarakat setempat khususnya ibu bapa.

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

a) bilangan projek pembinaan sekolah rendah dan menengah yang sudah siap, sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan di negeri Sabah; dan

b) bila kelulusan pelaksanaan projek SMK Gum Gum II memandangkan permohonan telah dibuat sejak Rancangan Malaysia ke-8 lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bagi projek pembinaan sekolah baharu di Sabah, sebanyak enam (6) buah sekolah **sedang dibina** iaitu SK Api-Api, Kota Kinabalu, SMK Entilibon, Telupid, SMK Simpangan, Paitan, SMK Nabalu, Tuaran, SMK Langkon, Kota Marudu dan SMK Kanibongan, Pitas. Masih terdapat 5 buah sekolah baharu yang **belum dibina** iaitu SK Pekan 1, Semporna, SMK Trus Madi, Keningau, SMK Kundasang II, SMK Kipouvo,Kota Kinabalu, dan SMK Libaran, Sandakan.

Manakala bagi projek gantian penuh, terdapat dua (2) sekolah yang sedang dibina iaitu SK Sembulan, Kota Kinabalu dan SK Regading, Tuaran. Walau bagaimanapun masih terdapat empat (4) buah sekolah lagi projek gantian sekolah baharu belum dibina iaitu SK Langkon, Kota Marudu, SK Nanamun, Kota Belud, SMK Kabogan, Semporna, dan SMK Paris II, Kinabatangan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek pembinaan sekolah baharu SMK Gum-gum II di Libaran, Sabah dalam *Rolling Plan* Ke-4 bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

RJM28

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

TARIKH : **ISNIN, 13 OKTOBER 2014**

RUJUKAN : **L3 [PR-1323-L63624]**

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berhubung penjualan tanah Kerajaan milik DBKL yang membabitkan tapak di mana Bangunan Jabatan Kejuruteraan dan Mekanikal DBKL, Bangunan Jabatan Kesihatan DBKL dan Bangunan Kesatuan Pekerja-Pekerja DBKL dan tanah-tanah lapang di sekitar tiga bangunan tersebut, berapakah keluasaan setiap tanah, siapakah pembeli dan tarikh pembelian, harga setiap kaki persegi, jenis pembangunan baru yang dicadangkan diatas tanah-tanah tersebut, bilakah dan di manakah jabatan-jabatan terlibat akan ditempatkan semula bangunan jabatan-jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, penjualan tanah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah terletak di bawah bidang kuasa YB Menteri Wilayah Persekutuan selaras dengan peruntukan Seksyen 101 (i)(r) Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penjualan ini tidak termasuk Bangunan Kesatuan Pekerja – Pekerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Penempatan semula lokasi bagi Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar di Pudu Ulu untuk menjadikan lebih selesa dan terurus dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal ke Taman Metropolitan, Kepong yang lebih sesuai di pinggir Bandar.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penyedia Jawapan dan Maklumat Tambahan :

1. **Encik Abdul Aziz bin Abdul Rahman**
   Timbalan Pengarah
   Jabatan Perancangan Ekonomi & Penyelarasan Pembangunan (JPEPP), DBKL
   Tel : 03-2617 9104

Penyelaras Parlimen DBKL:

1. **Encik Khairul Eswan bin Haji Eshak**
   Penolong Pengarah,
   Jabatan Pentadbiran DBKL
   Tel : 012-2621446

NO. SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA]

TARIKH : 13.10.2014 (ISNIN)

DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah dan inisiatif Kementerian bagi mencapai target 500 senarai harta intelektual pada akhir tahun ini bagi menggalakkan lagi platform komersial yang disediakan *IPR Marketplace*.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui agensinya, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), telah diberi mandat oleh Kerajaan untuk mengendalikan projek pilot iaitu Program Latihan Penilai Harta Intelek Tempatan dan juga mewujudkan pilot platform pasaran harta intelek iaitu pilot Portal *IPR Marketplace*.

Portal *IPR Marketplace* merupakan satu platform yang akan menghubungkan individu, pelabur dan peniaga dalam pengkomersilan dan perdagangan hak harta intelek dengan menyediakan kaedah dan sumber maklumat berguna terutamanya untuk pasaran global. Ia juga adalah platform untuk menyenaraikan hak Harta Intelek (IP) dalam pelbagai industri, aplikasi dan teknologi untuk dijual atau dilesenkan. Dalam erti kata lain, portal ini berfungsi sebagai pemudah cara untuk memasar dan memaksimumkan keuntungan daripada aset harta intelek.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah dan akan dijalankan bagi menggalakkan penyenaraian harta intelek di platform Portal *IPR Marketplace* iaitu:

i) Mengadakan sesi-sesi taklimat kesedaran berkaitan dengan inisiatif penilaian Harta Intelek dan *IPR Marketplace* di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pusat-pusat penyelidikan tempatan, dewan-dewan perniagaan, persatuan dan NGO, syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan usahawan-usahawan tempatan di seluruh Malaysia;

ii) Satu program bertajuk *Conversation with Stakeholder - IP Rights Marketplace Industry Engagement* bersama dengan pemegang taruh telah diadakan pada 2 - 5 September 2014 yang lepas. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pihak industri tentang kepentingan pengkomersialan Harta Intelek. Ini adalah merupakan satu inisiatif yang dijalankan untuk menggalakkan pihak industri mengkomersilkan Harta Intelek dan menyenaraikan Harta Intelek mereka di dalam portal *IPR Marketplace*;

iii) Penambahbaikan kepada pilot portal *IPR Marketplace* supaya portal atau laman sesawang tersebut berinfomasi dengan maklumat terkini berkaitan dengan penilaian Harta Intelek dan *IPR Marketplace* dan menjadi portal tersebut mesra pelanggan dan mudah untuk pendaftaran bagi menyenaraikan Harta Intelek di *IPR Marketplace*;

iv) MyIPO juga telah menjalinkan kerjasama bersama dengan rakan strategik yang sedia ada seperti *China Technology Exchange (CTEX), Shanghai Technology Transfer Exchange (STTE), Northern Technology Exchange Market (NTEM), Zhejiang Provincial Science and Technology Exchange Centre (ZSTEC), Office of Science and Technology (Peking University (PKU-SUZHOU)* di China, *NUS Enterprise (NUS ETP), Hong Kong Trade Development Council (HKTDC)* di Singapura dan Hong Kong dalam meningkatkan dan menggalakkan penyenaraian Harta Intelek di peringkat global di portal *IPR Marketplace*; dan

v) MyIPO telah bekerjasama dengan pihak Bank Negara dalam mengadakan persidangan bertajuk *Intellectual Property Financing*

Conference pada 23 September 2014. Persidangan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang *IP Financing* dan *IP Monetisation* yang menjadikan Harta Intelek sebagai aset yang boleh dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman dan diperdagangkan di *IPR Marketplace.*

NO. SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7127

SOALAN:

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci tindakan dan hasil siasatan Polis Diraja Malaysia terhadap kes kematian Teoh Beng Hock selepas Mahkamah Rayuan memutuskan mengetepikan keputusan koroner dalam inkues kematian Teoh Beng Hock.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua.

PDRM akan menjalankan siasatan berhubung dengan keputusan Mahkamah Rayuan pada 5 September 2014 yang mengetepikan keputusan Mahkamah Koroner dalam Inkues kematian pembantu politik DAP Teoh Beng Hock.

Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa kematian Teoh Beng Hock adalah kematian dalam tahanan apabila ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan menolak dakwaan bahawa mangsa membunuh diri. Mahkamah juga menyatakan bahawa punca kematian mangsa disebabkan oleh seseorang atau lebih dari seorang.

Satu pasukan khas telah ditubuhkan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman bagi menyiasat punca dan perkara ini dengan mengambil kira keputusan Mahkamah Rayuan dalam semua perkara yang melibatkan PDRM. Kementerian tidak bercadang mengulas lanjut berkaitan kes ini memandangkan siasatan kes ini masih lagi berjalan dan ianya dikhuatiri boleh mengganggu proses siasatan tersebut.

No. Soalan : 21
PR-1323-L63515

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH** **[SABAK BERNAM]**
TARIKH	:	**13 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan dari segi politik dan bantuan kemanusiaan bagi membela dan membantu rakyat Palestin dari kekejaman Zionis serta langkah diplomatik bagi mewujudkan negara Palestin yang bebas dan merdeka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia konsisten dengan dasar luarnya terhadap isu Palestin dan sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin baik dari segi politik, ekonomi dan moral, termasuklah juga bantuan-bantuan berbentuk kemanusiaan, sumbangan kewangan dan pembangunan infrastruktur asas.

2. Malaysia juga terus komited untuk membela nasib rakyat Palestin di peringkat antarabangsa menerusi peranan yang aktif dalam badan-badan antarabangsa yang dianggotainya antaranya seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) untuk mencari penyelesaian yang adil, menyeluruh dan berkekalan terhadap konflik Palestin-Israel, terutamanya ke arah penubuhan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa kemuncak serangan Israel ke atas Gaza dalam *Operation Protective Edge* baru-baru ini, antara langkah politik dan diplomatik yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah dengan mengutus surat kepada Presiden Mesir supaya Mesir membuka pintu sempadan Rafah bagi membolehkan bantuan kemanusiaan disalurkan ke Gaza, termasuklah bantuan kemanusiaan dari beberapa buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia antaranya Kelab Putra 1 Malaysia, Mercy Malaysia, Aman Palestin, Yayasan Keamanan Global Perdana dan Majlis Perikatan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM). Malah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengeluarkan 3 kenyataan yang

menggesa agar PBB dan sekutu-sekutu Barat Israel mendesak rejim Zionis Israel supaya menghentikan serangan ganasnya ke atas Gaza.

4. Dari segi bantuan kemanusiaan pula, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sendiri telah mengadakan lawatan kemanusiaan ke Gaza, Palestin pada 23 Januari 2013 dimana beliau telah memberi komitmen Kerajaan Malaysia untuk membiayai empat (4) projek kemanusiaan di Gaza, Palestin dengan nilai keseluruhan berjumlah USD6.5 juta. Malangnya, salah satu daripada projek kemanusiaan tersebut telah dilaporkan musnah akibat serangan ketenteraan Israel ke atas Gaza baru-baru ini.

5. Selain itu, Kerajaan Malaysia melalui Kedutaan Besar Malaysia di Mesir yang ditauliahkan secara serentak ke Palestin juga sentiasa memainkan peranan dalam memudahcarakan kemasukan Pertubuhan-Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Malaysia (NGO) melalui Sempadan Rafah, Mesir bagi membolehkan mereka menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza.

6. Kerajaan juga telah memberikan sumbangan kewangan tahunan dari tahun 2012 hingga 2017 berjumlah USD25,000.00 kepada *United Nations Relief and Works Agency* (UNRWA), iaitu sebuah badan PBB yang dipertanggungjawabkan untuk memberi perlindungan dan kehidupan yang normal kepada pelarian-pelarian Palestin serta sumbangan-sumbangan *one-off*, dengan izin kepada badan tersebut dari semasa ke semasa. Kerajaan juga telah mengumumkan kesediaan untuk menyumbang sebanyak USD100,000.00 kepada badan tersebut bagi membantu rakyat Palestin di Gaza.

7. Kerajaan Malaysia juga telah menyatakan kesediaan untuk memberi sumbangan kewangan berjumlah USD100,000.00 kepada salah sebuah organ subsidiari pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) iaitu *Islamic Solidarity Fund* (ISF) bagi membantu OIC menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza. Kesediaan Kerajaan memberi sumbangan kepada badan-badan tersebut telah diumumkan semasa *the Meeting of the OIC Committee of Six on Palestine* pada 24 September 2014 di New York.

8. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia juga telah menghadiri persidangan-persidangan penting anjuran OIC bagi membincangkan pelan tindakan dan bentuk bantuan yang dapat diberikan oleh negara-negara OIC bagi membantu rakyat Palestin membangunkan negara mereka. Semasa Persidangan Penderma Bagi Pembiayaan Pelan Strategik Pembangunan Sektor-sektor Penting di Al Quds dan Persidangan Penubuhan Jaringan Keselamatan Kewangan Islam Bagi Membantu Negara Palestin, yang diadakan di Baku, Azerbaijan pada 11 Jun 2013, Kerajaan telah memberikan sumbangan sebanyak RM6.29 juta (USD 2.0 juta).

9. Dalam mewujudkan sebuah negara Palestin yang bebas dan merdeka, Malaysia telah secara terbuka menyokong sepenuhnya hasrat Palestin untuk menjadi negara anggota PBB. Pada 29 November 2012, Malaysia bersama 137 negara anggota PBB yang lain telah menyokong resolusi yang dibentangkan oleh Palestin untuk menaikkan status Palestin dari sebuah entiti bukan anggota PBB kepada sebuah negara pemerhati bukan anggota PBB. Malaysia juga melalui pelbagai kenyataan rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di Perhimpunan Agung PBB serta mesyuarat-mesyuarat antarabangsa yang lain secara konsisten telah

menyeru supaya masyarakat antarabangsa menerima kemasukan Palestin sebagai negara anggota PBB serta pertubuhan-pertubuhan atau organisasi antarabangsa yang lain.

10. Malaysia berpendirian bahawa penyelesaian terbaik kepada konflik Palestin-Israel boleh dicapai melalui rundingan bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau yang berkekalan. Dalam hubungan ini, Malaysia akan terus menggesa supaya semua pihak berusaha mencari satu penyelesaian komprehensif yang adil dan saksama berdasarkan '*Roadmap*' dan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan PBB yang berkaitan di mana kedua-dua buah negara dapat hidup bersebelahan dengan satu sama lain dalam keadaan aman dan selamat.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab keuntungan Felda Global Ventures Holdings Bhd. telah menurun dan harga sahamnya telah terjunam dari RM5.39 pada 28 Jun 2012 ke RM3.67 pada 11 September 2014, atau sebanyak 31.9% walaupun indeks KLCI telah meningkat dari 1,599 ke 1,855 pada masa yang sama.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

FGV merupakan sebuah syarikat perladangan yang mana 75% dari pendapatannya adalah dari perdagangan Minyak Sawit Mentah. Sebab utama kejatuhan harga saham FGV adalah disebabkan oleh kejatuhan permintaan dan harga pasaran dunia untuk Minyak Sawit Mentah.

Kejatuhan permintaan dan harga pasaran dunia untuk Minyak Sawit Mentah pula disebabkan oleh tiga faktor utama:

Faktor Pertama:

Beberapa pasaran utama Minyak Sawit Mentah di Eropah, Amerika Syarikat dan China mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan. Permintaan yang lemah serta sentimen berterusan yang berlegar di dalam pasaran utama telah menyebabkan kelembapan permintaan untuk minyak sawit mentah di mana pada masa yang sama memberikan kesan negatif terhadap harga Minyak Sawit Mentah dunia.

Faktor Kedua:

Persaingan daripada lain-lain minyak sayuran alternative seperti minyak soya juga telah meningkat. Peningkatan kadar tuaian (bumper crop) serta harga soya yang rendah telah menyebabkan permintaan untuk minyak soya mengalami peningkatan yang

mendadak pada tahun ini. Keadaan ini telah meningkatkan permintaan terhadap eksport minyak soya kepada pasaran eksport pengguna utama minyak ini seperti China dan India seterusnya melemahkan eksport Minyak Sawit Mentah ke pasaran ini.

Faktor Ketiga:

Oleh kerana permintaan yang rendah dan juga saingan dari minyak sayuran lain seperti minyak soya, maka terkumpul stok simpanan Minyak Sawit Mentah yang banyak. Ini akan memberi tekanan negatif (downward pressure) kepada harga pasaran dunia Minyak Sawit Mentah.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	**: LISAN**
DARIPADA	**: YB DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**
TARIKH	**: 13 OKTOBER 2014**
SOALAN	**:**

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

(a) Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula pemberian bantuan ubat-ubatan untuk pesakit kanser sama ada berjadual/ubat tidak berjadual sebagaimana yang difahamkan bahawa pihak Kementerian hanya meluluskan pemberian secara 'one off' sahaja; dan

(b) Berapa ramaikan pesakit kanser yang telah mendapat bantuan daripada pihak Kementerian semenjak 5 tahun kebelakangan ini bagi negeri Sarawak dan jumlah kosnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari dan prihatin akan masalah bebanan yang ditanggung oleh pesakit kanser. Sejak tahun 2011 hingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM101.1 juta setahun bagi pengurusan dan rawatan pesakit kanser di mana, sejumlah RM76.1 juta bagi kegunaan ubat-ubatan, RM20 juta untuk bahan konsumabel dan ubat-ubatan dan RM5 juta digunapakai untuk belanja mengurus. Manakala, peruntukan sebanyak RM2.55 juta dibelanjakan untuk perkhidmatan paliatif serta RM61 juta bagi Perkhidmatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi yang merangkumi kos ubat-ubatan dan konsumabel untuk merawat kes-kes kesakitan akut di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kerajaan turut memberi subsidi ke atas caj rawatan ubatan pesakit kanser di hospital KKM.

Adalah dianggarkan seramai 32,000 hingga 35,000 pesakit kanser di Malaysia mendapat manfaat ini. Dari jumlah ini, dianggarkan 10,000 hingga 12,000 adalah kes baru setahun sejak dua tahun kebelakangan ini. Manakala, seramai 13,000 orang pesakit kanser pula yang menerima rawatan radioterapi setiap tahun. Jumlah kedatangan pesakit yang mendapat rawatan radioterapi di Hospital Umum Sarawak sahaja adalah sebanyak 1,800 – 2,000 dalam tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Pesakit kurang berkemampuan akan dirujuk kepada Pegawai Kerja Sosial bagi dipertimbangkan untuk mendapat pengurangan atau pengecualian bayaran yang dikenakan. Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia menyediakan bantuan peralatan perubatan (termasuklah ubat-

ubatan dan kerusi roda) yang tidak dibekalkan oleh hospital Kerajaan dan juga bantuan kewangan segera sekiranya pesakit berada dalam situasi kecemasan dan krisis semasa mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan. Majlis Kanser Negara dan Persatuan Kanser Malaysia pula menyediakan perkhidmatan kaunseling dan khidmat nasihat kepada penghidap penyakit kanser dan ahli keluarga. Bagi pesakit beragama Islam, mereka boleh dirujuk kepada Majlis Agama Islam untuk mendapatkan bantuan dari Lembaga Zakat.

Terdapat 178 orang pesakit kanser dari Negeri Sarawak yang menerima bantuan Tabung Bantuan Perubatan KKM dari tahun 2010 sehingga September 2014 dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM2.68 juta.

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]**
TARIKH : **13 OKTOBER 2014**
SOALAN :

YB Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor atau pengamal perubatan yang berkhidmat dalam negara ini sama ada bilangan tersebut mematuhi piawai antarabangsa untuk memenuhi permintaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada ***'HEALTH FACTS 2014'*** *i*aitu sehingga ***31 Disember 2013*** terdapat lebih kurang **46,916** pengamal perubatan yang berkhidmat di negara ini iaitu di mana **35,219** di sektor awam dan **11,697** di sektor swasta. Berbanding lima tahun yang lalu, iaitu pada tahun 2009, jumlah doktor yang berkhidmat di seluruh negara bertambah 53.6 peratus atau 16,380 orang berbanding 30,536 doktor yang berkhidmat pada tahun tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 30 Jun 2014, terdapat seramai 29,928 orang Pegawai Perubatan sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagi memastikan tahap perkhidmatan kesihatan yang bermutu tinggi, KKM terus berusaha untuk memastikan agar tenaga pakar dan kemudahan perubatan bertaraf dunia dapat disediakan secara berterusan. Sehingga31 Disember 2013, nisbah bilangan pengamal perubatan ke pesakit adalah merupakan 1:633. Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan. Walau bagaimanapun, nisbah tersebut adalah bertambah baik berbanding 5 tahun sebelumnya iaitu 1:927 Pegawai Perubatan kepada penduduk.

Berdasarkan trend peningkatan graduan perubatan pada masa ini, dijangkakan negara akan mencapai nisbah yang disasarkan 1:400 menjelang tahun 2020. Bagi tujuan menambah bilangan pengamal perubatan, KKM telah mula memastikan agar pengambilan pengamal perubatan untuk latihan pakar telah dinaikkan iaitu mulai tahun 2008 sehingga buat masa ini ialah daripada seramai 450 ke 1,000 yang diambil untuk menjalani latihan kepakaran iaitu kursus sarjana di univerisiti–universiti tempatan dan di luar negara setiap tahun.

Pada keseluruhannya, KKM akan sentiasa memastikan agar bilangan pengamal perubatan dan pakar di negara ini mencukupi untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang mematuhi piawaian antarabangsa untuk memenuhi kehendak rakyat dan juga pesakit yang datang dari luar negara untuk memperolehi rawatan di negara ini dan memastikan agar perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada rakyat

adalah berprestasi tinggi dan setaraf dengan tahap antarabangsa. World Health Organization (WHO) dan agensi-agensi lain telah pun mengiktiraf yang perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh Malaysia adalah salah satu yang terbaik di dunia

SOALAN NO.: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD. RAHM [SIK]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan secara terperinci menerangkan kenapa sehingga sekarang tidak dapat menetapkan harga lantai bagi getah sedangkan masih ada cara dan mekanisme untuk berbuat demikian. Rakyat menerima bantuan *'one-off'* dengan gembira tetapi apa yang rakyat mahu ialah penetapan harga getah yang munasabah. Pemberian bantuan RM500 hanya akan bertahan sebulan bagi sesebuah keluarga yang berpendapatan rendah di luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak dapat mempertimbangkan cadangan mewujudkan harga lantai bagi getah berdasarkan kepada fakta-fakta berikut:

i. Menyediakan ruang kepada aktiviti spekulasi harga di mana para pedagang getah akan menekan harga ke paras rendah mengambil kira bahawa Kerajaan akan menampung perbezaan di antara harga pasaran dan harga lantai;

ii. Menyediakan ruang kepada aktiviti penyeludupan getah dari luar negara memandangkan harga tempatan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga antarabangsa; dan

iii. Penetapan harga lantai memerlukan sumber kewangan yang tinggi bagi menyokongnya sekiranya harga getah asli dunia mengalami tren penurunan yang mendadak.

Kerajaan menyedari kesan penurunan harga terhadap pendapatan para pengusaha tanaman getah yang kebanyakannya terdiri daripada pekebun kecil. Dalam hal ini, Kementerian bersama Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan melaksanakan mekanisme kawalan selia harga getah di peringkat ladang mulai bulan November 2014. Ini akan

membolehkan LGM menetapkan margin keuntungan bagi memastikan pekebun kecil mendapat harga yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**
TARIKH : **13 OKTOBER 2014**
SOALAN :

YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kos rawatan di sektor swasta

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013. Jadual ini memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kos rawatan kepada fi profesional iaitu fi perundingan dan fi prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta.

Fi selain daripada fi profesional, tidak dikawalselia oleh KKM seperti fi penginapan, fi tatacara kejururawatan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan. Kadar fi tersebut boleh berbeza-beza di antara satu hospital swasta dengan hospital swasta yang lain disebabkan beberapa faktor seperti kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, lokasi hospital swasta, kos pemasaran, pengendalian dan penyelenggaraan hospital serta perubahan harga pasaran bagi ubat-ubatan.

Sehubungan dengan itu, beberapa langkah diambil oleh KKM bagi mengawal kos rawatan perubatan yang dianggap tinggi dan tidak munasabah di hospital swasta seperti berikut:

Langkah-langkah jangka pendek:

1. Pemantauan ke atas fi yang dikenakan oleh hospital swasta dibuat oleh KKM berpandukan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013 di mana pertanyaan dan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi disemak dan seterusnya diteliti oleh KKM;

2. Berdasarkan keputusan siasatan tersebut, KKM telah menyarankan atau memberi peringatan kepada pihak hospital swasta supaya mematuhi fi yang tertera dalam Jadual Ketiga Belas dan mengenakan fi yang munasabah ke atas pesakit; dan

3. KKM juga berharap pesakit memainkan peranan penting untuk memantau sendiri kos perubatan yang dikenakan dengan membandingkan caj keseluruhan yang dibilkan kepada pesakit dengan anggaran kos yang telah diberikan kepada pesakit seperti yang diperuntukan di bawah perenggan 27(1)*(a)*, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

Di bawah peruntukan tersebut pihak hospital swasta perlu memastikan bahawa seseorang pesakit, sebagai haknya, diberikan maklumat termasuk kos yang mungkin dikenakan bagi rawatan, penyiasatan atau prosedur yang hendak dijalankan. Selain itu, di bawah perenggan 26(1*)*, Peraturan-Peraturan yang sama, pesakit, di atas permintaan, juga mempunyai hak untuk diberitahu caj yang dianggarkan bagi perkhidmatan bersesuaian dengan diagnosis awal yang dibuat sebelum memulakan jagaan atau rawatan dan kos yang tidak dijangka bagi perkhidmatan yang rutin, biasa dan lazim.

Langkah-langkah berterusan:

1. KKM sentiasa memastikan pihak pengurusan hospital swasta melakukan pemantauan ke atas caj yang dikenakan oleh pengamal perubatan yang mengamal di hospital swasta berkenaan. Fi profesional yang dikenakan oleh pengamal perubatan atau pergigian swasta dikawal oleh sistem yang dibangunkan oleh pihak hospital

swasta sendiri bagi memastikan fi tersebut tidak melebihi fi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas; dan

2. Pihak organisasi jagaan yang diuruskan (MCO) turut memantau caj perubatan yang dikenakan oleh pihak hospital swasta untuk pesakit-pesakit berinsuran. Pihak MCO akan menjalankan verifikasi terhadap setiap tuntutan bayaran yang dibuat ke atas seseorang pesakit oleh pihak hospital swasta dan mana-mana caj yang dianggap melampau termasuk fi profesional dan lain-lain fi yang dikenakan oleh pihak hospital swasta, akan dipersoalkan dan pembayaran akan hanya dibuat setelah mendapat klarifikasi dan didapati munasabah.

Langkah jangka panjang:

1. Persatuan Hospital Swasta juga telah bersetuju bekerjasama dengan KKM untuk memastikan hospital-hospital swasta yang menganggotai persatuan tersebut memuatnaik dan memaparkan fi bagi pelbagai prosedur bagi membolehkan pesakit membuat pilihan rawatan mengikut kemampuan serta menjamin ketelusan dari segi kos rawatan perubatan.

KKM berpendapat dengan kerjasama semua pihak termasuk pesakit sendiri, langkah-langkah dan mekanisme untuk memantau dan mengawal kos rawatan yang dikeluarkan hospital swasta dapat dilaksanakan supaya kos rawatan tidak terus meningkat dengan sewenang-wenangnya.

Ini adalah satu usaha Kerajaan untuk mengawal kos rawatan di hospital swasta dalam masa yang sama memberi manfaat dan menjaga kebajikan rakyat. Oleh yang demikian, terpulang kepada pengamal perubatan untuk mengenakan bayaran yang munasabah kepada pesakit dengan mengambil kira latar belakang pesakit, kompleksiti kes yang dikendalikan, jenis fasiliti, lokasi dan sebagainya. Dalam perkara ini, kita berharap kuasa pasaran akan menentukan kos sebenar yang akan dikenakan oleh pengamal perubatan kepada pesakit.

SOALAN (27)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	13 OKTOBER 2014 [ISNIN]
DARIPADA	:	Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]

SOALAN :-

Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah puncanya dikatakan hampir 60% kakitangan awam yang bergaji RM3,000 sebulan dan ke bawah tidak memiliki rumah sendiri dan apakah laporan terkini Program 1 Juta Rumah yang dicadang dibina oleh Kementerian pada tahun lepas.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan 60% penjawat awam bergaji kurang RM3,000 dan ke bawah tidak mampu memiliki rumah sendiri adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS). Walau bagaimanapun Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak ada kenyataan rasmi mengenai perkara ini dikeluarkan oleh pihak berkaitan bagi mengesahkannya.

Saya berpandangan bahawa golongan ini tidak mampu membeli rumah sendiri kerana:

i) Terbeban dengan hutang lain seperti pinjaman peribadi, kenderaan dan lain-lain; dan

ii) Kadar kelayakan pinjaman perumahan berdasarkan gaji bulanan hakiki bagi golongan ini adalah rendah.

Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan telah memperkenalkan Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 18 April 2013. Tujuan skim ini dilancarkan adalah untuk membolehkan penjawat awam terutamanya yang berpendapatan sederhana dan rendah untuk memiliki rumah sendiri terutamanya di kawasan bandar.

Rumah PPA1M ini dijual kepada penjawat awam dengan harga RM90,000 ke RM300,000 dan *build up* adalah dari 850 kaki persegi ke 1500 kaki persegi. Di bandar-bandar utama lain di mana terdapat keperluan, perancangan untuk membina rumah PPA1M sedang giat dijalankan.

Sebanyak 162,804 rumah telah siap dibina pada tahun 2013 untuk Program 1 Juta Rumah. Manakala sehingga 31 Mac 2014, sebanyak 1,153 unit sedang dalam perancangan pembinaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2014

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG
[GELANG PATAH]

TARIKH : 13 Oktober 2014 (Isnin)

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kerajaan bersetuju atau tidak untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi mengkaji sama ada aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak telah dipenuhi atau dikhianati sejak pembentukan Malaysia.

JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi maksud pembentukan Malaysia, Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee*) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan merumuskan persetujuan-persetujuan yang diberikan oleh rakyat di Sabah dan Sarawak melalui *written memoranda* dan juga *hearings* serta mengemukakan syor berhubung *future constitutional arrangements, including safeguards for the special interests of North Borneo and Sarawak to cover such matters as religious freedom, education, representation in the Federal Parliament, the position of the indigenous races, control of immigration, citizenship and the State Constitutions* (dipetik daripada *Report of the Inter-Governmental Committee*, 1962, perenggan 3, *Chapter* I).

2. Syor yang dinyatakan dalam Laporan Suruhanjaya dan Laporan IGC berkenaan, setakat yang dipersetujui oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (iaitu Sabah), Sarawak dan Singapura telah diterjemahkan dalam Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai 1963 yang kemudiannya telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Malaysia 1963 [*Akta 26/1963*] dan undang-undang yang berkaitan. Sebagai contoh Akta Imigresen 1959/63 [Akta 15] dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32].

3. Perjanjian Malaysia merangkumi, antara lain, 20 Perkara yang diutarakan oleh Sabah dan 18 Perkara oleh Sarawak bagi melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak selepas Malaysia ditubuhkan. Antara perkara yang disentuh ialah agama, bahasa, hak kewarganegaraan, pelajaran dan perkhidmatan awam.

4. Berdasarkan Artikel VIII Perjanjian Malaysia, pihak-pihak kepada Perjanjian akan mengambil langkah perundangan, eksekutif atau langkah- langkah lain bagi melaksanakan jaminan, janji dan syor yang terkandung dalam Bab III (*Proposed Constitutional Arrangements*) serta Annex A (*Legislative Lists, Administrative Arrangements and Assurances*) dan Annex B (*The Public Service*) kepada Laporan IGC setakat mana yang tidak diperuntukkan secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan.

5. Perkara yang dipersetujui dalam Laporan IGC telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkaitan. Selain itu, peruntukan undang-undang khususnya Perlembagaan Persekutuan juga telah dipinda bagi memberikan perlindungan tambahan dan keistimewaan kepada Sabah dan Sarawak.

6. Sehubungan dengan itu, cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi mengkaji sama ada aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak telah dipenuhi sejak pembentukan Malaysia tidak berbangkit pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]
TARIKH : 13 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan mesin MRI dan CT Scan dan sama ada ianya berfungsi atau tidak di semua hospital Kerajaan dan swasta berdasarkan pecahan negeri dan sama ada ianya dibeli atau disewa serta nyatakan kosnya.

Tuan Yang di-Pertua

Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya mempunyai rekod bilangan mesin MRI dan CT scan di hospital KKM sahaja. Sehingga 31 Ogos 2014, terdapat 70 buah mesin CT scan dan 35 buah mesin MRI di hospital KKM. Daripada jumlah tersebut, 54 buah mesin CT scan dan 31 buah mesin MRI masih berfungsi dan selebihnya telah rosak untuk pelupusan.

Semua CT scan dan MRI di bawah KKM adalah dibeli menggunakan peruntukan Kerajaan dan bukan disewa. Anggaran kos membeli sebuah mesin CT scan mengikut kapasiti 16, 32, 64, dan 128 *slices* adalah di dalam lingkungan RM1.5juta sehingga RM5juta dan anggaran kos membeli sebuah MRI adalah RM3.3 juta ke atas termasuk kos pengubahsuaian lokasi penempatan mesin berkenaan.

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 13.10.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes rasuah disiasat dan disabitkan oleh SPRM dalam tempoh lima tahun lepas yang melibatkan rasuah wang kurang daripada RM1000.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM tidak dapat memperincikan kes-kes siasatan rasuah mengikut jumlah nilai rasuah. Ini kerana kes rasuah tidak semestinya melibatkan nilai wang semata-mata tetapi melibatkan perkhidmatan, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kes-kes bersindiket.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, walaupun seseorang pelaku rasuah menerima nilai amaun rasuah yang kecil, namun impak buruk dari hasil perlakuan rasuah tersebut boleh menjurus kepada ancaman keselamatan negara, kesejahteraan masyarakat dan ekonomi terutamanya melibatkan kehilangan hasil negara berjumlah jutaan hingga berbillion ringgit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]**
TARIKH	:	**13 OKTOBER 2014 (ISNIN)**
SOALAN	:	**31**

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang langkah kerajaan dalam mengawal taktik penipuan (Hidden Agenda) yang dikenakan terhadap penumpang kapal terbang oleh Syarikat Penerbangan Awam di Negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , dalam mengawal taktik penipuan (*hidden agenda*) yang dikenakan terhadap penumpang kapal terbang oleh syarikat penerbangan awam di Negara ini, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Biro Pengaduan Awam telah menyediakan pelbagai saluran termasuk laman web bagi membolehkan para pengguna menyalurkan maklumat berhubung taktik penipuan (*hidden agenda*) yang dikenakan terhadap penumpang kapal terbang oleh syarikat penerbangan awam. Berdasarkan kepada maklumat-maklumat tersebut, Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya berlandaskan peraturan sediada ada.

NO SOALAN :32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**13.10.2014**

Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

a) apakah jaminan Kerajaan dan Khazanah bahawa MAS akan diurus dengan lebih cekap; dan

b) adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji *fuel and oil expenditure* yang menyumbang 36% kepada jumlah perbelanjaan MAS, dan apakah jaminan kepentingan pekerja MAS dilindungi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keutamaan MAS pada masa ini adalah untuk menumpukan perhatian kepada pelaksanaan inisiatif sedia ada di bawah pelan perniagaan syarikat dengan sasaran untuk meningkatkan kendalian trafik penumpang yang telah terjejas berikutan insiden MH370 dan MH17 yang lalu. Pelbagai strategi dan pelan jangka pendek telah dirancang dan akan dilaksanakan bagi memulihkan imej syarikat serta meningkatkan semula keyakinan penumpang kepada perkhidmatan MAS. Antara langkah yang dilaksanakan adalah mengaktifkan semula promosi jualan untuk semua sektor termasuk pasaran di China serta menggiatkan kempen pemasaran taktikal di seluruh dunia melalui pakatan perkongsian sedia ada.

Selain itu, MAS terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang serta memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian

Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pemulihan MAS

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS yang melibatkan rombakan menyeluruh syarikat penerbangan tersebut. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja seperti berikut:

1) menubuhkan syarikat baharu bagi menempatkan “MAS Baru”, menyahsenarai MAS (syarikat sedia ada) dan penyenaraian semula “MAS Baru”. Penyahsenaraian MAS adalah langkah pertama dalam proses penstrukturan semula secara menyeluruh bagi melindungi kepentingan pemegang saham minoriti daripada risiko pelaksanaan serta memberi peluang kepada MAS dan Khazanah untuk membuat keputusan secara pantas dan berkesan;

2) Menyediakan dana sehingga RM6 bilion untuk penyusunan semula serta pelaburan dan mengurangkan nisbah bersih hutang berbanding dana pemegang saham kepada 120%;

3) Menetapkan semula model perniagaan yang mampan melalui rangkaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada pasaran serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil;

4) Menyatukan operasi teras dan ibu pejabat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);

5) Mengukuhkan jaminan, integriti dan fungsi keselamatan;

6) Mengkaji dan merundingkan semula kontrak bekalan;

7) Memperkukuhkan barisan kepimpinan;

8) Menyesuaikan saiz tenaga kerja, dengan anggaran 14,000 kakitangan di "MAS Baru";

9) Mengukuhkan perhubungan industri dan penjajaran dalaman;

10) Latihan semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula;

11) Sokongan Kerajaan yang sesuai terhadap inisiatif utama, dan

12) Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak

berkepentingan.

Bagi melaksanakan Pelan Pemulihan MAS ini, Khazanah memerlukan dana sehingga RM6 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat, tertakluk kepada pencapaian syarat-syarat penyusunan semula yang ketat. Antara sasaran yang ditetapkan ke atas MAS adalah seperti penggubalan peraturan kerja dan syarat-syarat pekerjaan berdasarkan penanda aras industri, penyusunan semula proses dan penyelarasan, kajian semula kontrak, penyatuan operasi di KLIA, penubuhan jawatankuasa untuk memudahkan perundingan pekerja, tadbir urus dan etika, kelulusan Pelan Perniagaan, pembangunan sumber manusia dan pengurusan, kajian semula struktur tadbir urus korporat Syarikat dan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kewangan dan operasi untuk pemantauan bulanan bagi memastikan pelaksanaan penstrukturan semula.

Peringkat awal Pelan Pemulihan MAS telah dimulakan dengan proses penyahsenaraian MAS dari Bursa Malaysia dilaksanakan secara *Selected Capital Reduction* (SCR) yang diumumkan oleh Khazanah pada 8

Ogos 2014. Pemegang saham yang berhak akan dibayar balik pada nilai RM0.27 sesaham bagi setiap saham yang dipegang. Keseluruhan transaksi SCR ini dijangka akan dimuktamadkan pada akhir Disember 2014 dan Khazanah akan menjadi pemegang saham biasa tunggal MAS. Seterusnya kesemua operasi, aset dan liabiliti yang berkaitan akan dipindahkan kepada "MAS Baru" menjelang 1 Julai 2015.

Tempoh peralihan selama 10 bulan akan datang **adalah** daripada syarikat sedia ada kepada "MAS Baru" **yang** akan menyaksikan perubahan besar dari segi barisan kepimpinan akan dilaksanakan secara komprehensif dan teratur. Perubahan ini termasuk mengukuhkan komposisi Lembaga Pengarah, pengurusan atasan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta pengurusan pertengahan "MAS Baru" dengan memanfaatkan bakat kepimpinan terbaik di MAS.

Penghijrahan kepada "MAS Baru" akan melibatkan kajian semula kos keseluruhan syarikat penerbangan tersebut yang dijangka akan menghasilkan struktur kos yang lebih rendah, berikutan struktur operasi dan tenaga kerja akan dilaksanakan berdasarkan amalan dan norma-

norma industri yang kompetitif.

Syarikat dijangka mencatatkan keuntungan dalam tempoh 3 tahun dan menjelang tahun 2020 "MAS Baru" dijangka akan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh dan boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan semula di Bursa Malaysia, dijual atau diletakkan dalam perkongsian strategik yang mampu menjana pulangan positif.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu Kakitangan MAS

Mengenai pampasan kepada 6,000 kakitangan MAS yang diberhentikan, perkara ini masih belum dimuktamadkan oleh Khazanah dan masih menunggu keputusan program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim-skim lain yang boleh dipertimbangkan untuk memastikan bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam "MAS Baru".

Bagi membantu kakitangan yang akan diberhentikan, Khazanah telah menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC) untuk memberikan sokongan penempatan, selari dengan proses penyusunan semula yang sedang dilaksanakan. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS.

Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi. Khazanah terus komited untuk memastikan bahawa proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian pekerja dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Industri penerbangan adalah salah satu pengganda ekonomi tertinggi iaitu sebanyak 12 kali, berbanding 1 hingga 3 kali yang dicatatkan oleh kebanyakan industri lain. Sebagai contoh, bagi setiap pekerja yang diambil kerja oleh MAS, terdapat empat (4) pekerjaan sokongan lain yang dicipta di pelbagai bidang lain dalam ekonomi. Oleh itu, MAS perlu kekal memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia agar dapat terus menyumbang kepada KDNK negara.

Bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan ini, Khazanah dan MAS telah melantik perunding yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing seperti penerbangan, undang-undang, kewangan, percukaian, penyelidikan dan pengurusan projek dengan jumlah bayaran kepada perunding dianggarkan berjumlah 1% hingga 2% daripada kos pelaburan keseluruhan sebanyak RM6 bilion.

Dalam menjayakan pelan pemulihan MAS, sokongan daripada pihak-

pihak berkepentingan atau *stakeholders* yang meliputi pengurusan dan kakitangan MAS, Khazanah, Kerajaan, pembekal, kontraktor, institusi kewangan dan rakyat adalah amat penting untuk membina kembali ikon penerbangan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 33

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah polisi Kerajaan dalam mengeluarkan lesen kapal kargo dan langkah-langkah yang diambil dari mengelakkan lesen tersebut tidak di salah guna bagi tujuan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kapal-kapal yang menjalankan perkhidmatan perkapalan domestik adalah tertakluk kepada Dasar Kabotaj di mana kapal-kapal ini perlu mempunyai Lesen Perkapalan Dalam Negeri untuk menjalankan operasi dan perkhidmatan di perairan Malaysia. Dalam pada itu, kapal-kapal yang diberikan Lesen Perkapalan Dalam Negeri perlu mematuhi syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, kapal asing juga boleh dibenarkan beroperasi di dalam perkhidmatan domestik melalui satu mekanisme pengecualian dengan turut memiliki Lesen Perkapalan Dalam Negeri. Lesen ini akan dikeluarkan apabila terbukti kapal Malaysia tidak dapat memenuhi permintaan yang ada.

Lesen Perkapalan Dalam Negeri adalah diwajibkan untuk dipamerkan di atas kapal-kapal yang beroperasi di perairan Malaysia. Di dalam lesen ini adalah dinyatakan dengan jelas nama kapal, aktiviti, tempoh operasi, jenis kargo dan kawasan perairan yang dibenarkan. Jabatan Laut Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap Lesen Perkapalan Dalam Negeri serta mana-mana aspek penguatkuasaan perkapalan yang lain. Sehubungan dengan itu, mana-mana kapal yang tidak mempunyai lesen atau melanggar syarat lesen boleh mengakibatkan kapal ditahan mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Sekiranya didapati bersalah, boleh dikenakan denda

tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali.

NO SOALAN :34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK (SEREMBAN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**13.10.2014**

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan untuk menggubal undang-undang baru untuk mengawal dan membanteras gejala perjudian siber atau online yang semakin berleluasa dan sekiranya ada, bilakah ia dapat dibentangkan di Parlimen dan seterusnya dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat ketetapan

dasar untuk melarang secara menyeluruh kegiatan perjudian atas talian (*online gaming*). Di samping itu, Kerajaan juga masih lagi dalam peringkat kajian sama ada untuk mewujudkan satu akta baru yang berkaitan atau menambahbaik akta-akta sedia ada bagi membendung aktiviti ini.

NO. SOALAN:35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang diguna pakai untuk mengukur '*distribution of income*' antara rakyat yang kaya dan miskin dari dasar DEB yang menjanjikan penyusunan semula masyarakat dan Wawasan 2020 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai negara maju.

JAWAPAN: <u>YB DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR,</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria yang sering diguna pakai untuk mengukur '*distribution of income*' termasuklah:

(i) pekali Gini bagi mengukur ketakseimbangan keseluruhan dalam masyarakat. Nilai pekali Gini berada pada skala 0 hingga 1, yang mana nilai skala 0 menunjukkan agihan pendapatan yang saksama, manakala nilai skala 1 menunjukkan agihan pendapatan yang paling tidak saksama. Bagi Malaysia, ketakseimbangan dalam agihan pendapatan telah berkurangan daripada 0.431 pada tahun 2012 kepada 0.421 pada tahun 2014;

(ii) nisbah pendapatan untuk mengukur jurang pendapatan antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Nisbah ketaksamaan pendapatan bagi di antara isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dan 20 peratus tertinggi telah berkurangan daripada 1:6.58 pada tahun 2012 kepada 1:6.18 pada tahun 2014;

(iii) pertumbuhan dan bahagian pendapatan bagi kumpulan tertentu seperti kumpulan isi rumah berdasarkan kategori pendapatan. Sebagai contoh, bahagian pendapatan bagi isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah telah meningkat daripada 14.3% pada tahun 2009 kepada 14.8% pada tahun 2012; dan

(iv) tahap pendapatan median berbanding pendapatan purata nasional bagi mendapatkan gambaran berkaitan jurang pendapatan. Pendapatan median bagi tahun 2009 adalah RM3,626 dan pendapatan purata RM5,000 manakala bagi tahun 2014, pendapatan median telah meningkat kepada RM4,258 dan RM5,919 bagi pendapatan purata. Ini bererti bahawa secara amnya, kualiti hidup sebahagian besar rakyat turut meningkat seiring dengan peningkatan pendapatan tersebut.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah punca kegagalan Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional untuk mengutip balik bayaran pinjaman daripada 35% peminjamnya yang berjumlah kira-kira 690,000 orang dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2014 seramai 990,915 peminjam atau 64.20 peratus telah membuat bayaran balik. Bagaimanapun terdapat peminjam yang menangguhkan bayaran balik disebabkan melanjutkan pengajian diperingkat yang lebih tinggi dan masih belum bekerja disamping ada segelintir peminjam yang mengambil mudah serta tidak mengendahkan tanggungjawab membuat bayaran balik. Pelbagai langkah telah dilakukan bagi mempastikan peminjam membuat bayaran balik pinjaman PTPTN. Antaranya:

i. memperbanyakkan dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM);

ii. menyediakan pelbagai saluran bagi kemudahan bayaran balik pembiayaan pendidikan antaranya melalui kaunter dan perbankan internet ejen-ejen yang dilantik seperti bank-bank tempatan dan Pos Malaysia;

iii. bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan pihak swasta untuk mengesan peminjam;

iv. semasa pembentangan Bajet 2013 yang lalu, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan diskaun sebanyak 20 peratus bagi peminjam yang melangsaikan baki hutang pinjaman PTPTN mereka dalam tempoh 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013. Manakala, pemberian diskaun 10 peratus kepada mereka yang membayar pinjaman secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut mengikut jadual masih diteruskan sehingga kini;

v. menubuhkan cawangan PTPTN di setiap negeri bagi mempermudahkan urusan peminjam dan pendeposit SSPN-i.

vi. bermula 1 Disember 2012, PTPTN juga telah mewujudkan sistem Pegawai Tanggungjawab (PTJ) di mana setiap pegawai PTPTN ditugaskan menyelia hampir 6,500 penerima biaya PTPTN. PTJ akan berhubung secara terus dengan penerima biaya berkaitan soal bayaran balik dan juga menjawab setiap persolan berkenaan pembiayaan pendidikan penerima biaya di bawah seliaan mereka. Mereka juga akan bertindak dalam melakukan pemantauan dan tindakan susulan untuk sentiasa mengemaskini rekod penerima biaya di bawah seliaan masing-masing;

vii. Menyenaraikan peminjam tegar ke dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat atau CCRIS mulai tahun 2015; dan

viii. Memperkenalkan Program Sahabat bagi mewujudkan kerjasama dengan agensi kerajaan atau swasta bagi menggalakkan kakitangan memilih kaedah potongan gaji bagi bayaran balik pembiayaan dan penambahan deposit SSPN-i disamping menjana pendapatan sampingan kepada Sahabat PTPTN. Setiap agensi yang menyertai program ini akan menikmati pemberian komisyen sebanyak RM10.00 bagi bayaran balik pinjaman secara potongan gaji kali pertama yang berjaya. Di samping itu, pemberian komisyen sebanyak RM2.00 bagi setiap pembukaan akaun SSPN-i yang berjaya dan RM0.50 bagi penambahan deposit SSPN-i yang dilaksanakan secara potongan gaji turut diberikan kepada Sahabat PTPTN.

NO. SOALAN : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

a) adakah Kerajaan bersedia menyalurkan wang peruntukan khas kelolaan ICU kepada semua kawasan Parlimen menerusi wakil rakyat yang memenangi kawasan terbabit; dan

b) jumlah pemberian mengikut kawasan Parlimen sejak 2012 hingga kini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri disediakan bagi semua kawasan Parlimen di seluruh negara. Jumlah peruntukan tersebut adalah bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Peruntukan tersebut dibelanjakan untuk faedah rakyat dan diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Negeri masing-masing mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa bagi pelaksanaan pelbagai projek dan program di kawasan-kawasan Parlimen yang berkenaan.

Bagi tempoh 2012 hingga kini, Kerajaan telah menyediakan sejumlah RM598.0 juta peruntukan kewangan untuk diagihkan kepada semua 222 kawasan Parlimen. Agihan peruntukan mengikut negeri dan bilangan kawasan Parlimen yang terlibat dalam tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Agihan Peruntukan Bagi Kawasan Parlimen Mengikut Negeri Tahun 2012 hingga 2014

	Negeri	2012 (RM' juta)	2013 (RM' juta)	2014 (RM' juta)	Jumlah (RM' juta)
1	Perlis	3.3	3.0	3.3	9.6
2	Kedah	7.7	7.3	12.5	27.5
3	Pulau Pinang	5.5	5.3	6.3	17.1
4	Perak	18.6	16.3	17.4	52.3
5	Selangor	13.6	10.8	15.7	40.1
6	W. Persekutuan	6.8	6.5	7.6	20.9
7	Negeri Sembilan	6.4	5.9	6.4	18.7
8	Melaka	5.8	5.3	5.0	16.1
9	Johor	27.8	25.3	24.4	77.5
10	Pahang	13.8	12.6	12.2	38.6
11	Terengganu	7.2	6.6	5.6	19.4
12	Kelantan	5.8	5.6	8.2	19.6
13	Sabah	36.5	32.5	36.7	105.7
14	Sarawak	47.4	44.5	43.0	134.9
	Jumlah	**206.2**	**187.5**	**204.3**	**598.0**

Sekian. Terima kasih

No. Soalan: 38
PR-1323-L65201

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]**
TARIKH	:	**13 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	**Tuan Muhamed Hanipa bin Maidin [Sepang]** minta **YB MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan secara terperinci berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kementerian sehingga September 2014 bagi kerja-kerja melobi untuk Malaysia dipilih sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, peruntukan tambahan berjumlah RM20 juta telah diluluskan supaya Kementerian Luar Negeri dapat membiayai kegiatan melobi pencalonan Malaysia untuk menduduki kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016 sepanjang tahun 2014.

2. Antara aktiviti-aktiviti melobi tersebut termasuklah lawatan-lawatan YB Menteri Luar Negeri dan YB Timbalan Menteri Luar Negeri ke Negara-negara yang telah dikenalpasti bagi melobi sokongan mereka; penganjuran pameran foto di Ibu Pejabat PBB di New York; majlis-majlis resepsi dengan wakil Negara-negara anggota PBB yang lain di New York; perbincangan panel berkisarkan pengukuhan misi pengaman PBB di New York; pembelian dan penghasilan barang-barang bagi tujuan melobi pencalonan Malaysia; serta kos penempatan para pegawai di Pejabat Perutusan Tetap Malaysia ke PBB di New York.

3. Sesi pengundian ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016 dijangka akan diadakan pada 16 Oktober 2014 di New York. Kementerian Luar Negeri akan meneruskan usaha giat melobi sokongan terhadap pencalonan sehingga saat-saat terakhir sebelum sesi pengundian tersebut diadakan. Adalah menjadi harapan besar agar kita rakyat Malaysia dapat bersama-sama mendoakan kejayaan Malaysia untuk menduduki kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan PBB.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 39

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]**

TARIKH : **13 Oktober 2014 (Isnin)**

SOALAN : **Tuan Gooi Hsiao-Leung** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan butir-butir beras yang diimport dari Thailand oleh BERNAS dari Januari hingga Disember tahun 2013 dan Januari hingga September 2014, khususnya, apa kuantiti dan pada apa harga telah beras dibeli.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Beras adalah makanan asasi penduduk Malaysia. Pengimportan beras oleh BERNAS adalah berdasarkan kepada permintaan dan keperluan pelbagai lapisan penduduk sama ada warganegara atau bukan warganegara.

BERNAS mengimport bukan sahaja daripada Negara Thailand tetapi dari negara-negara pengeksport beras lain tertakluk kepada spesifikasi yang ditetapkan. Harga dan terma pembelian adalah berbeza antara

satu negara pengimport dengan negara pengimport yang lain bergantung kepada harga pasaran semasa.

Jenis beras yang diimport dari Thailand adalah beras putih, beras perang, beras wangi, beras pulut, beras organik dan beras istimewa. Harga belian dipengaruhi oleh jenis dan gred beras yang diimport. Kuantiti dan harga beras yang diimport oleh BERNAS dari Thailand bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti berikut:

Tempoh/Tahun	Kuantiti (TM)	* Purata Harga Belian RM/TM
Jan - Dis 2013	145,817	2,186 (1)
Jan - Ogos 2014	238,066	1,590 (2)

(1) Harga beras tinggi disebabkan olen *'Paddy Pledging Scheme'* yang diperkenalkan oleh Kerajaan Thai di bawah pimpinan Perdana Menteri Yingluck Shinawatra pada tahun 2013.

(2) Harga rendah disebabkan oleh lelongan beras oleh Kerajaan Thai.

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (Isnin)

SOALAN

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan masih berpegang kepada pendirian untuk memansuhkan Akta Hasutan, 1948 dan sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.

JAWAPAN: **PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan menggantikan dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.

2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.

3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk Skim *Rent - to - Own* (RTO) bagi projek PR1MA dan berapakah jumlah sasaran permohonan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program perumahan mampu milik yang diterajui oleh Perbadanan PR1MA Malaysia direka khas bagi segmen rakyat Malaysia yang berpendapatan seisi rumah di antara RM2,500 – RM10,000 sebulan. Setelah menjalankan kajian sosio ekonomi, didapati bahawa di antara masalah utama yang dihadapi oleh kumpulan sasaran ini untuk memiliki sesebuah kediaman adalah keupayaan mereka untuk menyediakan bayaran pendahuluan serta bayaran awalan yang lain.

Menyedari hakikat ini, PR1MA telah bertindak untuk merangka beberapa strategi yang berupaya mengatasi masalah-masalah tersebut dan sekali gus meningkatkan akses kepada pemilikan perumahan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Punca sebenar kepada masalah yang dinyatakan tadi tidak terhad kepada harga perumahan sahaja. Ianya turut merangkumi isu aliran tunai (*cash flow*) seseorang. Maka PR1MA telah membangunkan satu bentuk kemudahan yang berupaya mengatasi isu aliran tunai individu iaitu Skim *Rent-to-Own* (RTO).

Skim ini merupakan suatu inisiatif bagi membantu golongan yang mampu memiliki sesebuah rumah PR1MA namun tidak berjaya mendapatkan pinjaman perumahan (*end financing*) atas sebab-sebab tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim RTO ini boleh dilihat sebagai Skim Pembelian Tertangguh (*Deferred Purchasing Scheme*) yang tidak melibatkan peruntukan Kerajaan. Sebaliknya ia adalah sebuah *market based solution* yang akan diuruskan oleh PR1MA di mana pembiayaannya diperoleh terus daripada pasaran modal. Bayaran balik pembiayaan ini adalah menerusi kutipan sewaan serta perolehan unit kediaman yang berkenaan.

Memandangkan model pembangunan PR1MA adalah berasaskan tahap kemampuan (*affordability level*), oleh itu PR1MA tidak menetapkan sebarang sasaran yang khusus bagi tujuan skim *Rent-to-Own* ini.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7331

SOALAN:

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) jumlah Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang memenuhi pasaran pekerjaan dalam perladangan, perindustrian dan binaan; dan

(b) adakah Kementerian berhasrat memberi permit kerja sementara melalui majikan mereka supaya mudah mengesan mereka dan menjana pendapatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak mempunyai data yang spesifik mengenai PATI yang bekerja. Walaubagaimanapun proses pemutihan di bawah program 6P dan Program Khas Pendaftaran PATI (PKPP) sehingga 14 Mac 2014, seramai 38,677 orang PATI telah diputihkan untuk bekerja dalam sektor perindustrian, 100,253 orang dalam sektor perindustrian dan 210,379 orang dalam sektor pembinaan.

Kerajaan tidak berhasrat untuk memberi permit kerja sementara kepada PATI melalui majikan memandangkan proses Pemutihan di bawah Program 6P telah tamat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
KAWASAN	:	ALOR GAJAH
TARIKH	:	13.10.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN	:	43

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah hasil kajian mengenai kesan pemansuhan sistem Open Approved Permit (Open AP). Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pandangan Institut Automotif Malaysia (MAI) bahawa Open AP tidak menyumbang kepada pembangunan industri automotif.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian menyeluruh mengenai AP Terbuka bagi menilai implikasinya dalam pembangunan sektor automotif tempatan masih sedang dijalankan dan akan dimuktamadkan penghujung tahun ini. Kajian yang sedang dijalankan ini melibatkan industri automotif, persatuan pengguna dan masyarakat bagi memastikan sebarang keputusan dibuat oleh Kerajaan kelak adalah seimbang dengan mengambil kira kepentingan semua pihak disamping mengelakkan Kerajaan dianggap membuat keputusan mengenai isu-isu sensitif tanpa mengira pandangan semua pihak.

Pada dasarnya, MAI mengambil maklum terhadap sumbangan AP Terbuka terhadap industri automotif tempatan terutamanya dari segi jualan kenderaan dan juga sektor lepas jualan. Selain itu, sistem ini juga telah banyak menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi negara dari segi peluang pekerjaan, pendapatan Kerajaan melalui kutipan cukai dan peluang-peluang perniagaan lain yang melibatkan industri sokongan dan sektor-sektor perkhidmatan seperti bank, insurans, perkapalan dan logistik.

Walau bagaimanapun, MAI berpendapat bahawa sumbangan terhadap industri automotif tempatan boleh dipertingkatkan lagi terutamanya dalam bidang-bidang berikut:

(i) teknologi dan kejuruteraan;
(ii) peluasan pasaran;
(iii) pembangunan rantaian pembekal komponen dan alat ganti;
(iv) pembangunan modal insan; dan
(v) pembangunan aspek keselamatan serta alam sekitar.

SOALAN NO : 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR]
TARIKH : 13 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) apakah perkembangan dan status terkini (dari 1 Jun 2014 sehingga 15 September 2014) pembinaan hospital di Parlimen Kapar dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan bermulanya pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan

(b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10, dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan bermulanya proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa Cadangan Pembinaan Hospital Kapar masih di peringkat pengesahan tapak dan urusan perolehan tanah. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memaklumkan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Selangor tentang pendirian KKM untuk memilih tapak yang dimiliki oleh Sime Darby di Kapar berbanding tapak-tapak lain yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk pembinaan Hospital Kapar.

Pihak JPBD telah memanjangkan perkara ini kepada pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor memohon agar pihak Kerajaan Negeri Selangor menguruskan proses penyerahan tapak seluas 50 ekar tersebut. Dalam masa yang sama, pemilik tanah iaitu *Sime Darby* telah menghantar *Master Plan Concept* kepada Majlis Perbandaran Klang bagi tujuan kelulusan setelah beberapa pindaan dibuat sebelum ini. Satu mesyuarat penyelarasan akan dipanggil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi membincangkan pengesahan tapak untuk cadangan pembinaan Hospital Kapar.

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan bagi membina Klinik Kesihatan Kapar Baru menggantikan Klinik Kesihatan Lama sedang di peringkat penyediaan pelan tapak serta perinciannya oleh JKR sebelum projek dapat ditender.

Perancangan ini mengambil masa yang lebih panjang kerana masalah memastikan perkhidmatan yang sedia ada ditapak tersebut perlu diteruskan. Tapak pembangunan klinik baru ini adalah di tapak klinik sedia ada seluas 5.1 ekar. Kajian terperinci yang dibuat telah berjaya mengelakkan keperluan meroboh bangunan Klinik sedia ada yang menyediakan perkhidmatan klinik pesakit luar serta kesihatan ibu dan anak. Usaha ini akan dapat menjimatkan kos pemindahan perkhidmatan klinik ke tempat baru di samping dapat mempercepatkan pelaksanaan projek keseluruhannya.

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menghapuskan Akta Hasutan dan mewujudkan semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

JAWAPAN: <u>PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] dan menggantikan dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.

2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.

3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

4. Berkenaan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang telah dimansuhkan, setakat ini Kerajaan tiada sebarang cadangan untuk mewujudkan semula Akta tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU]**
TARIKH	:	**ISNIN, 13 OKTOBER 2014**
RUJUKAN	:	**L4 [PR-1323-L63805]**
SOALAN	:	

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimanakah proses bajet DBKL 2015 dibuat dan adakah Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam proses ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun mengadakan Bengkel Bajet 2015 bersama '*focus group*' pada 17 Sepetember 2014. Seramai 260 peserta telah dijemput mengambil bahagian di dalam bengkel ini terdiri daripada majlis perwakilan penduduk setiap parlimen, persatuan penduduk, persatuan peniaga dan penjaja pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pesara, warga emas, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), golongan belia serta Kementerian dan Agensi yang berkaitan.

Bengkel ini diadakan bagi mendapatkan pandangan dan penglibatan kumpulan sasar dalam proses merangka Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2015 bagi membincang serta mengemukakan perancangan program dan aktiviti dengan memfokuskan kepada program-program utama seperti berikut:

1) Program Pembersihan Bandar dan Kesihatan
2) Program Kemudahan Infrastruktur Jalan Raya, Sistem Lalulintas dan Saliran
3) Program Penghijauan, Pengindahan Taman dan Kemudahan Rekreasi
4) Program Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat
5) Program Pembangunan Bandar
6) Program Pembangunan Komuniti
7) Program Penguatkuasaan
8) Program Pengurusan Penjaja dan Perniagaan
9) Program Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan

Pandangan, idea, syor dan penglibatan kumpulan sasar ini dianggap penting pada peringkat awal penyediaan bajet bagi memastikan perancangan bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah realistik serta mengambil kira keperluan sebenar masyarakat dan dapat memberi impak yang positif dan manfaat kepada warga kota secara holistik.

Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga akan mengadakan sesi dialog bersama ahli-ahli parlimen berkaitan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2015 yang dijangka akan diadakan pada 24 Oktober 2014.

NO SOALAN :47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH** **(KALABAKAN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**13.10.2014**

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH

[KALABAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

a. siapakah kontraktor pembekal makanan kepada Syarikat Penerbangan Malaysia MAS dan apakah kaedahnya; dan

b. berapakah kos makanan untuk satu penumpang yang dibekalkan untuk kelas ekonomi, business dan kelas pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembekalan makanan kepada Malaysian Airline System Bhd (MAS) disediakan oleh Brahim's Airlines Catering Sdn. Bhd. (BAC), iaitu syarikat milik Brahim's Airlines Catering Holdings Sdn Bhd (BACH) dan MAS, dengan pegangan saham masing-masing sebanyak 70% dan 30%. Kontrak pembekalan makanan untuk tempoh 25 tahun ini dilaksanakan melalui *Catering Agreement* yang telah ditandatangani pada 25 September 2003.

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar yang dikenakan untuk kos pembekalan makanan kepada penumpang MAS pula adalah berbeza mengikut kelas penerbangan dan hidangan menu yang disediakan. Sebagai contoh, kos pembekalan makanan bagi penumpang penerbangan domestik dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, Sabah melibatkan satu (1) hidangan menu utama dan kos yang dikenakan adalah sebanyak RM26.65 bagi penumpang kelas perniagaan dan RM7.30 bagi penumpang kelas ekonomi. Manakala bagi

penerbangan antarabangsa dari Kuala Lumpur ke London, ianya melibatkan dua (2) hidangan menu utama dan satu (1) menu sampingan. Kos pembekalan makanan bagi penumpang kelas pertama adalah sebanyak RM470.54, kelas perniagaan sebanyak RM135.22 dan kelas ekonomi sebanyak RM39.42.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD HAMZAH
KAWASAN	:	JASIN
TARIKH	:	13.10.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN	:	48

Y.B. Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [JASIN] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal global dan apakah hasil atau kejayaan yang telah di capai setakat ini dari segi sumbangan kepada peningkatan pelaburan dan pembangunan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah menubuhkan Halal Industry Development Corporation (HDC) pada 18 September 2006 untuk menerajui pembangunan industri halal negara secara komprehensif dan menyeluruh. Sehubungan itu, Kerajaan telah pun mewujudkan Pelan Induk Industri Halal (2008 – 2020) yang menggariskan beberapa strategi bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global menjelang 2020. Pelan Induk ini juga memberi fokus untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Rujukan Global

bagi perkara-perkara berkaitan integriti halal serta pusat pengeluaran, perdagangan dan inovasi halal.

Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global termasuk:

- mewujudkan Pusat Sokongan Global Halal di HDC di mana pihak industri dan pengguna dapat memperolehi maklumat, data dan bahan-bahan berkaitan halal;

- Sistem "*Halal Data Warehouse*" yang pertama seumpamanya di dunia diwujudkan bagi melaporkan data-data penting berkaitan eksport halal, pelaburan halal dan sebagainya;

- membangunkan modal insan di mana lebih daripada 60,000 peserta telah menjalani latihan pengurusan pematuhan pensijilan halal bagi mewujudkan pekerja mahir berkenaan halal;

- mewujudkan ekosistem halal yang lengkap bagi pengeluaran produk dan perkhidmatan berkaitan halal; dan

- mengadakan aktiviti promosi perdagangan berkaitan halal melalui penganjuran Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS), misi-misi perdagangan halal ke luar negara serta mengadakan kerjasama dengan negara luar bagi membuka lebih banyak akses kepada pasaran produk dan perkhidmatan halal dan meningkatkan pengaliran pelaburan dan perdagangan dua hala.

Tuan Yang Di Pertua,

Melalui usaha-usaha yang telah dijalankan tersebut, Malaysia telah berjaya mengeksport pelbagai jenis barangan ke luar negara. Pada tahun 2012, negara telah mengeksport barangan halal bernilai RM32 bilion di mana ianya menyumbang sebanyak 4.6% kepada keseluruhan eksport negara yang berjumlah RM702.9 bilion.

Pada tahun 2013 pula, nilai eksport produk halal bernilai RM32.8 bilion. Di antara produk-produk utama yang dieksport adalah makanan dan minuman halal (RM13.2 bilion), ramuan halal (RM10.6 bilion) dan produk berasaskan minyak sawit (RM4.8 bilion).

Tuan Yang Di Pertua,

HDC juga bertanggungjawab untuk menyelaras pembangunan taman-taman halal di Malaysia. Pada masa ini, terdapat 21 taman halal di seluruh Negara dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 taman halal telah menerima status HALMAS HDC bagi melayakkan syarikat menikmati galakan cukai.

Sehingga Ogos 2014, sebanyak 130 syarikat telah beroperasi di taman-taman halal dengan jumlah pelaburan mencecah RM8.1 bilion di mana sebanyak RM2.6 bilion (32%) merupakan pelaburan tempatan serta lebih daripada 5,700 peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui HDC telah memperkenalkan Program Transformasi Perniagaan Halal (HBT) bemula tahun 2011. Program ini bertujuan meningkatkan daya saing dan jualan syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk halal yang menyertainya.

Bermula dengan penyertaan dari hanya 149 syarikat pada tahun 2011, kini bilangan peserta HBT telah bertambah kepada 860 syarikat. Program ini telah berjaya membantu syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk halal halal tersebut menjana jualan dengan jumlah melebihi RM1.51 bilion atau secara purata RM500 juta jualan setahun.

SOALAN NO: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	**: LISAN**
DARIPADA	**: YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG]**
TARIKH	**: 13 OKTOBER 2014**
SOALAN	**:**

YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

a. sama ada Kerajaan bercadang untuk membesarkan fasiliti Hospital Kerajaan di Kapit untuk menampung jumlah pesakit yang kian meningkat; dan

b. menangani kesesakan tempat letak kereta dan kekurangan wad di Hospital Umum Kuching.

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan bagi menaiktaraf fasiliti Hospital Kapit telah dicadangkan dalam RMK-10. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat dilaksanakan disebabkan peruntukan yang terhad. Namun begitu, cadangan menaik taraf Hospital Kapit akan diberi keutamaan dalam RMK-11 nanti.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan masalah kesesakan di Hospital Umum Sarawak (HUS):-

i. Dalam **RMK-10,** KKM telah melaksanakan beberapa projek naiktaraf HUS termasuk:
   - CRC (Clinical Research Centre) & wad neurologi; dan
   - Naiktaraf wad psikiatri.

ii. Pada masa ini, Kerajaan telah meluluskan projek naiktaraf *Daycare, Pathology, Blood Bank,* Tempat Letak Kereta Bertingkat (TLKB), *Medi-Hotel* Dan Kemudahan *Shop Lots* di HUS yang telah dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta (PFI). Jumlah TLKB adalah sebanyak **1,750 petak**. Cadangan projek ini sedang dalam peringkat semakan rekabentuk dan memuktamadkan spesifikasi peralatan perubatan. Projek dijangka dapat dimulakan pada tahun **2015**.

iii. Selain itu, HUS juga menyediakan perkhidmatan rawatan jantung ke Pusat Jantung, HUS di Kota Samarahan telah bermula sejak 01 Januari **2011.**

iv. Pembinaan Hospital Petra jaya yang merupakan sebuah hospital berpakar dengan kapasiti 300 katil yang dijangka akan siap pada tahun **2017**.

Dengan terbinanya hospital baru ini, ia dijangka akan dapat mengurangkan masalah **kesesakan di wad pesakit** dan **kesesakan tempat letak kereta** di HUS.

NO. SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 13.10.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes rasuah disiasat dan disabitkan oleh SPRM dalam tempoh lima tahun lepas yang melibatkan wang rasuah melebihi RM1 juta.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM tidak dapat memperincikan kes-kes siasatan rasuah mengikut jumlah nilai rasuah. Ini kerana kes rasuah tidak semestinya melibatkan nilai wang semata-mata tetapi melibatkan perkhidmatan, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kes-kes bersindiket.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, walaupun seseorang pelaku rasuah menerima nilai amaun rasuah yang kecil, namun impak buruk dari hasil perlakuan rasuah tersebut boleh menjurus kepada ancaman keselamatan negara, kesejahteraan masyarakat dan ekonomi terutamanya melibatkan kehilangan hasil negara berjumlah jutaan hingga berbillion ringgit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB. TUAN ER TECK HWA
KAWASAN	:	BAKRI
TARIKH	:	13.10.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN	:	51

YB. TUAN ER TECK HWA minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah perdagangan secara langsung atau tidak di antara Malaysia dan Israel dari 1996 sehingga kini. Senaraikan syarikat terlibat, jenis produk dan nilai dagangan. Apakah tindakan Kerajaan terhadap syarikat yang mengambil komponen dari Israel walaupun mempunyai sumber dari negara lain.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Luar Negara Malaysia adalah tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan negara Israel. Secara dasarnya juga, Kerajaan Malaysia tidak menjalin hubungan ekonomi secara langsung dengan Israel. Walau bagaimanapun, hubungan dagangan Malaysia dan Israel berlaku disebabkan:

(i) amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs) di mana banyak negara termasuk Israel merupakan sebahagian dari rangkaian tersebut;

(ii) produk yang dihantar ke Palestin bagi menyokong pembangunan ekonomi dan bantuan kemanusiaan terpaksa melalui Pelabuhan Ashdod yang terletak di wilayah yang dikuasai Israel; dan

(iii) eksport ke Israel tetapi dihantar dari negara-negara ketiga seperti Singapura dan Hong Kong.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai tindakan Kerajaan terhadap syarikat yang mengambil komponen dari Israel walaupun mempunyai sumber dari negara lain, ianya adalah di luar kawalan Kerajaan Malaysia. Ini adalah kerana syarikat-syarikat MNCs yang beroperasi di negara ini menjalankan perniagaan mereka melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain) yang* dikawal sepenuhnya oleh syarikat induk mereka di luar negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR - PAS]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO.52)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberikan peruntukan kepada persatuan-persatuan seni mempertahankan diri seperti silat, tomoi, silambam yang terdapat banyak di kawasan luar bandar. Apakah syaratnya jika ia boleh memberikan peruntukan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menggalakkan semua persatuan sukan termasuk persatuan seni mempertahankan diri dalam melaksanakan program atau pertandingan di pelbagai peringkat. Melalui pemberian bantuan, Kementerian mempertimbangkan permohonan pelaksanaan aktiviti atau program kepada persatuan yang layak dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.

2. Persatuan yang layak diberi pertimbangan adalah :-

   i. Badan Sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997

   ii. Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007

   iii. Sekretariat Rakan Muda di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar dengan Jabatan Belia dan Sukan Negara

   iv. NGO yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan bergabung dengan Majlis Belia Malaysia (MBM).

3. Manakala permohonan yang layak diberi pertimbangan :-

i. Aktiviti yang dilaksanakan hendaklah selaras dengan Dasar Pembangunan Belia Negara atau Dasar Sukan Negara.

ii. Aktiviti yang dilaksanakan hendaklah memberi impak positif kepada kumpulan sasar.

iii. Aktiviti yang menggabungkan nilai-nilai integrasi dan perpaduan kaum.

iv. Aktiviti yang berkonsepkan kepimpinan, jati diri, patriotisma, ketatanegaraan, kemahiran, keusahawanan, kesukarelaan dan kesukanan.

v. Bantuan aktiviti yang dijalankan bersama NGO, keutamaan diberikan kepada NGO yang mempunyai kepakaran pengurusan, kepimpinan, kejurulatihan dan kemahiran teknikal dalam bidang berkaitan.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara diberi peranan untuk membantu meningkatkan pencapaian sukan-sukan prestasi tinggi. Sukan-sukan tersebut adalah yang dipertandingkan dalam empat (4) temasya yang utama iaitu Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Bantuan peruntukan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) berdasarkan program yang dirancang dan dipersetujui bersama khususnya dalam persediaan atlet ke temasya sukan-sukan tersebut.

5. Bantuan kepada sukan-sukan seni mempertahankan diri seperti karate, silat, taekwondo, wushu dan muaythai sentiasa diberi perhatian kerana sukan-sukan ini senantiasa memberi pingat kemenangan kepada negara di pertandingan-pertandingan peringkat antarabangsa terutama Sukan SEA dan Sukan Asia.

6. Jumlah peruntukan yang disalurkan adalah berbeza antara persatuan sukan kebangsaan disebabkan beberapa faktor seperti:

- Keutamaan sukan mengikut prestasi atlet mereka di peringkat antarabangsa
- bilangan atlet,
- bilangan/lokasi kejohanan antarabangsa,
- jumlah/gaji jurulatih,
- kos peralatan, dan
- pelaksanaan program seperti program latihan atlet elit, pelapis dan paralimpik, program pembangunan kejurulatihan, program penganjuran kejohanan, program pembangunan kepegawaian dan pengurusan sukan serta skim-skim

7. Bagi sukan-sukan yang tidak termasuk di dalam program elit kebangsaan permohonan bantuan boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada permohonan yang disalurkan dalam bentuk geran.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 53

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

a) dari tahun 2000 hingga 2014 bilangan pelajar yang layak (memenuhi kelayakan minimum) memasuki IPTA setiap tahun; dan

b) sebab-sebab 50 peratus daripada pelajar-pelajar yang layak memohon kursus IPTA pada tahun 2014 tidak ditawarkan tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Secara purata setiap tahun, bilangan pelajar yang memenuhi syarat am universiti dan syarat khas program pengajian yang layak untuk dipertimbangkan bagi mengikuti program pengajian pada peringkat Ijazah Pertama (Sarjana Muda) di IPTA mengikut Sesi Akademik adalah sebanyak 58,000 orang.

b) Pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum

untuk menjana markah merit calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira agama, jantina, bangsa, taraf hidup dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum pemohon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Pada masa ini, kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif kerana bilangan tempat yang disediakan sangat terhad bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Hanya pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut susunan merit, pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan, pilihan IPTA serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Proses temu duga juga dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu dan bagi memastikan mereka mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan.

Sesetengah program pengajian bertemu duga mendapati calon gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mengikuti

program pengajian berkaitan. Sekiranya calon gagal dalam temu duga berkenaan, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka setuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian yang dipohon. KPM akan cuba memastikan pelajar ditawarkan tempat berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di IPTA.

RJM27

NO. SOALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7128

SOALAN:

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan inisiatif Kementerian dalam mengatasi budaya rakyat yang tidak hormat terhadap anggota polis di samping tidak memberi kerjasama terhadap pihak polis yang sedang menjalankan tugas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah berusaha mempertingkatkan kelangsungan imej pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui beberapa inisiatif yang diperkenalkan. Inisiatif-inisiatif ini dipercayai dapat memperkukuhkan kepercayaan rakyat terhadap PDRM, dan secara tidak langsung akan dapat membantu memupuk budaya dan rasa hormat terhadap anggota PDRM. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah:

i) **Pewujudan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) pada untuk 9 Jun 2014 bertujuan melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah secara menyeluruh;**

ii) **Pewujudan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM pada 25 Julai 2014 untuk memperkasakan integriti PDRM;**

iii) **Melaksanakan program yang berorientasikan masyarakat seperti:**

   a) ***Community Policing*, melibatkan aktiviti seperti dialog bersama persatuan penduduk, pameran, sukaneka dan mesyuarat bersama masyarakat setempat.**

b) **Rondaan bersama masyarakat di kawasan perumahan, seperti bersama persatuan penduduk untuk mencegah jenayah.**

c) **Mewujudkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bertujuan untuk bertindak dengan cepat ke atas sesuatu kejadian jenayah dan juga berperanan menjalankan *Stop and Talk* dengan masyarakat bagi memperoleh maklumat untuk menangani masalah jenayah.**

Dengan adanya program-program berkenaan, PDRM telah berjaya mewujudkan satu hubungan dua hala dengan masyarakat dalam menangani isu keselamatan dan juga jenayah setempat. Justeru, pemahaman masyarakat terhadap isu keselamatan dapat mencapai matlamat untuk mengatasi persepsi buruk terhadap pasukan polis.

Manakala mana-mana orang dengan sengaja tidak memberi kerjasama terhadap anggota polis berkaitan kejadian jenayah setelah diminta dan dengan sengaja enggan memberikan maklumat walaupun mereka mengetahui maklumat tersebut atau seterusnya menghalang penjawat awam daripada menjalankan tugas-tugasnya dengan sengaja tidak memberikan pertolongan boleh terjumlah kepada kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

SOALAN NO: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]
TARIKH : 13 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan hospital yang terlibat dengan industri pelancongan perubatan serta jumlah pendapatan yang dijanakan di Pulau Pinang semenjak industri ini diperkenalkan di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengenalpasti pelancongan kesihatan antara salah satu sektor perkhidmatan yang berpotensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sejak lewat tahun 1990-an. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) melaksanakan pelbagai inisiatif dan aktiviti untuk membangun dan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi kesihatan di persada antarabangsa.

Buat masa ini, 74 fasiliti perubatan swasta dari seluruh negara berdaftar di bawah MHTC untuk mempromosikan pelancongan kesihatan, termasuk 9 fasiliti di Pulau Pinang. Fasiliti-fasiliti di Pulau Pinang ialah:

1. Gleneagls Medical Centre, Penang;
2. Island Hospital;
3. KPJ Penang Specialist Hospital;
4. Lam Wah Ee Hospital;
5. Loh Guan Lye Specialist Centre;
6. Mount Miriam Cancer Hospital;
7. Pantai Hospital Penang;
8. Penang Adventist Hospital; dan
9. Optimax Eye Specialist Hospital, Penang.

Pulau Pinang merupakan negeri penyumbang terbesar bagi industri pelancongan kesihatan negara. Pada tahun 2013, negeri ini telah menyumbang 45% terhadap keseluruhan jumlah pelancong kesihatan dan 43% bagi jumlah pendapatan yang dijana.

Pulau Pinang merekodkan pertumbuhan sebanyak 47% bagi jumlah pelancong kesihatan antara tahun 2010 hingga 2013, dengan peningkatan dari 239,496 orang ke 351,673 orang. Pertumbuhan pendapatan yang dijana turut merangsangkan dengan 60% dari RM177.4 juta pada tahun 2010 ke RM295.2 juta pada tahun 2013.